

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN  
[ KENINGAU ]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengapa dalam Program Pemberian RM20,000 geran untuk tanah terbiar yang dilancarkan baru-baru ini oleh Jabatan Pertanian Persekutuan telah mengecualikan Sabah daripada program tersebut dan adakah Jabatan Pertanian tidak menganggap Sabah adalah sebahagian integral dalam Malaysia.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa membuka peluang kepada setiap negeri untuk menikmati kemudahan insentif yang ditawarkan oleh kerajaan persekutuan dan peruntukan yang disalurkan ke setiap negeri adalah berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh Jabatan-Jabatan Pertanian Negeri. Justeru, adalah tidak benar Kementerian mengecualikan Negeri Sabah dalam pelaksanaan Projek Tanah Terbiar.
2. Sehingga kini, seluas 10,199.19 hektar tanah terbiar telah dibangunkan di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Labuan. Seramai 8,082 orang pengusaha telah menerima insentif dengan jumlah peruntukan berjumlah RM109.64 juta. Daripada jumlah tersebut, Negeri Sabah telah menerima jumlah peruntukan sebanyak RM10.749 juta bagi 1,283 orang pengusaha yang disalurkan melalui Jabatan Pertanian Negeri Sabah.
3. Dalam usaha mengoptimumkan penggunaan tanah untuk tujuan pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan Projek Pembangunan Tanah Terbiar dengan insentif kepada usahawan dan pemilik tanah pada kadar maksimum RM20,000 per hektar secara *one-off*. Projek Pembangunan Tanah Terbiar ini bertujuan untuk membangunkan tanah agar produktif dan memberi pulangan kepada pengusaha di samping peningkatan dalam pengeluaran tanaman makanan negara dengan skop seperti berikut :
  - i. pembangunan infrastruktur asas seperti pembersihan kawasan, sistem pengairan dan saliran serta pembinaan jalan ladang; dan
  - ii. input pertanian berupa benih, baja, racun, mesin dan peralatan kecil.

Sekian, terima kasih.